

08/01/2003

BN terima tindakan MCA gantung ahli

Misiah Taib; Wan Hazmir Bakar; Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR: Barisan Nasional (BN) semalam menerima keputusan MCA menggantung dua wakil rakyatnya yang berkecuali terhadap usul DAP di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 21 November tahun lalu, tetapi menentukan sendiri tempoh penggantungan mereka.

Serentak itu, Dewan Tertinggi BN juga memutuskan satu peraturan baru akan dirangka bagi memastikan semua wakil rakyatnya mematuhi disiplin serta menyokong pendirian kerajaan BN di Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri.

Peraturan itu nanti membolehkan BN mengambil tindakan terhadap mana-mana ahlinya yang ingkar dan bukannya parti komponen yang diwakilinya.

Deraf peraturan disiplin itu dikemukakan pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN akan datang untuk dibahas dan diluluskan.

Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata perkara itu dipersetujui semua pemimpin komponen BN selepas perbincangan yang disifatkan beliau sebagai baik tanpa sebarang pertelingkahan.

"Selepas berbincang dengan mendalam, kita berpendapat kita tidak perlu meningkatkan lagi hukuman terhadap kedua-dua (wakil rakyat) itu.

"Oleh kerana tindakan yang sudah diambil MCA ialah menggantung mereka, menjadi tanggungjawab BN menentukan selama mana mereka digantung.

"Ini bukan lagi tanggungjawab MCA, BN akan menentukan bila tarikh penggantungan mereka ini ditamatkan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam.

Mesyuarat itu dihadiri pemimpin parti komponen BN keculi Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu yang diwakili Timbalannya, Datuk S Subramaniam.

Dua Adun MCA, Lim Boo Chang (Datuk Keramat) dan Tan Cheng Liang (Jawi) digantung keahlian tanpa had masa oleh parti berkenaan kerana berkecuali daripada mengundi terhadap usul DAP menanggungkan projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang bernilai RM1.02 bilion di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 21 November lalu.

Bagaimanapun, keputusan MCA itu tidak disenangi beberapa komponen BN lain yang mahukan hukuman lebih berat.

Ditanya bila BN akan membuat keputusan untuk menarik balik penggantungan mereka, Dr Mahathir berkata: "Bila nak tentu, itu masalah kita."

Mengenai kriteria digunakan dalam mempertimbangkan tempoh penggantungan terhadap Lim dan Tan, Perdana Menteri berkata, ia bergantung kepada tingkah laku mereka.

"Mereka masih ahli MCA yang digantung, mereka tidak boleh menyuarakan penentangan atau mengambil tindakan yang menunjuk mereka menentang BN sama ada di dalam Dewan atau di luar Dewan," katanya sambil menyatakan mereka hanya akan berhenti menjadi ahli MCA apabila dipecat.

Ditanya desakan Gerakan yang sebelum ini menuntut kedua-dua Adun MCA itu dipecat, Dr Mahathir berkata perkara itu tidak lagi berbangkit kerana persetujuan sudah dicapai.

"Parti Gerakan terima keputusan kita, apa lagi nak cakap...ikhlas," katanya sambil bertanya Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, yang sekadar mengganggu kepala serta menjuihkan bibir menyebabkan pemimpin BN lain ketawa.

Perdana Menteri juga menolak tanggapan BN akan mengalami kemerosotan sokongan kaum Cina jika pilihan raya umum diadakan dalam tempoh terdekat memandangkan pergolakan dalam parti komponen BN yang mewakili kaum Cina.

"Ada sikit masalah...tetapi saya yakin masalah dalam parti Cina akan diatasi sebelum pilihan raya," katanya.

Mesyuarat Dewan Tertinggi BN itu juga memutuskan lapan wakil rakyat BN, iaitu dua dari Umno, seorang dari Gerakan dan lima dari MCA yang tidak berada dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ketika pengundian menolak usul DAP itu tidak perlu dikenakan tindakan.

Sementara itu, Keng Yaik yang ditemui selepas mesyuarat, berkata Gerakan menyokong dan menghormati keputusan BN.